

26/10/2003

Apec sahihkan Dr Mahathir Wira Negara Membangun

Dari Pekan, Pahang:

DI SIDANG Kemuncak Asean di Bali dan di Perhimpunan Agung Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) di Putrajaya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mohamad, bintang. Saya tidak terkejut langsung kerana satu berlaku dalam wilayah Asean dan OIC kita tuan rumah. Menjadi pelakon atau 'actor' utama

di muktamar kemuncak dwitahun Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec)

giliran Bangkok, satu hal yang terkecuali, langsung memberi kesahihan Dr Mahathir 'Wira Dunia Membangun' kini seperti Presiden Sukarno, Gamal Nasser, Tito, Nehru dan Chou En Lai pada tahun 60-an.

Dr Mahathir keculi satu atau dua kali saja tidak menghadiri Perhimpunan

Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York semasa Perdana Menteri. Pada ingatan saya ucapannya "digamkan" oleh media Barat apa lagi

oleh media Amerika dan di New York yang dipunyai hampir seluruhnya oleh Yahudi atau mereka yang proIsrael.

Ketiga-tiga assembly (perhimpunan) ini dinanti-nantikan sungguhpun OIC tidak sebegitu 'high profile' berbanding Asean apa lagi Apec. Sidangnya di

Bangkok minggu lepas telah bertukar dari tujuan asalnya, iaitu dari Forum

Ekonomi kepada Forum Keselamatan. Agenda utama 'security' dan 'terrorism'

atas desakan Presiden George W Bush walaupun dibantah oleh Dr Mahathir dan

beberapa pemimpin lain - lebih ramai menurut telunjuk kuasa terunggul - kerana kepentingan ekonomi, dagang dan keselamatan serta bagi menjaga hubungan baik mereka dengan Washington.

Kebimbangan Sidang Apec dan keselamatan ketua pemerintah dan kerajaan 21

negara Asia Pasifik terancam dan huru hara atau malapetaka mungkin berlaku, tidak berasas. Kerajaan Thai tuan rumah terbaik mungkin menjaga keselamatan setiap peserta, hatta keselamatan pegawai-pegawai dan orang macam saya pun terjamin. Mungkin kerana Hambali (Isamuddin Rais) yang dianggap dalang bagi rangkaian penganas di wilayah Asean, Jemaah Islamiah, telah ditangkap awal lagi.

Saya dapati Bangkok seperti biasa, penduduknya sibuk, mesra dan sepanjang Sidang Apec itu tiada apa yang tidak baik berlaku. Bahkan Bangkok minggu lepas bersih, berdisiplin dan tiada 'traffic jam' atau kesesakan kerana banyak jalan raya ditutup dan cuti umum. Saya dan pelawat

lain senang bersiar. Kalau Bangkok bagai minggu lepas, saya akan selalu ke

sana!

Lidah Asia

Dr Mahathir mendapat laporan media Thai lebih hebat daripada Bush dan

tuan rumah Thaksin Shinawatra sepanjang sidang itu kerana reputasinya sebagai "Lidah Asia". Mungkin juga kerana Dr Mahathir akan bersara. Tetapi, Perdana Menteri Kanada, Jean Chrystie pun akan bersara juga, namun dia tidak mendapat perhatian dari media Thai atau media Barat. Pada

hari akhir persidangan dan di sidang medianya, Dr Mahathir mendapat sambutan luar biasa dari media Barat, satu perkara yang saya tidak lihat berlaku di sidang medianya di PBB. Di Sidang Apec di Bangkok, sahlah Dr

Mahathir diiktiraf sebagai "lidah atau suara" negara membangun yang dahagakan kemakmuran, memburui keadilan dan keamanan. Mereka yang tertindas mahu memerdekakan diri dari penjajahan bentuk baru atau 'new colonialisme.'

Pada tahun 60-an, Sukarno dari Wilayah Tenggara Asia adalah putra Nusantara di pentas dunia dan diplomasi. Suara emasnya menggegarkan Dunia

Pertama, Amerika Syarikat khususnya. Dalam satu ucapannya pertengahan tahun

60-an, Sukarno dengan keras, tanpa gentar dan takut walaupun Indonesia papa kedana, bertempik, "America, go to hell. Indonesia does not need your

aid - jahanam Amerika, Indonesia bangsa bermaruah - kami tidak perlu bantuan kamu."

Belumpun menjangkau 57 tahun Nusantara merdeka, kita baru melahirkan dua

anak bangsa serumpun dan seagama yang telah dengan gaya tersendiri dapat berbicara dan berkomunikasi dengan Dunia Barat menuntut agar mereka menghormati orang Timur dan mahu mewujudkan dunia yang lebih utuh, sempurna, makmur, adil dan aman lagi saksama bagi manusia sejagat.

Apapun Bush kalau mahu menghapuskan keganasan tanpa sempadan atau transnasional, dia perlu menyelesaikan sebab-sebab orang mengganas terlebih dahulu. Bush juga harus lebih mengamal resmi suka mendengar dari

suka berpidato atau berkhotbah, terutama kepada Indonesia dan kita.

Apabila Dr Mahathir jadi Perdana Menteri, dia bebaskan ramai Tapols (tahanan politik di bawah ISA)

Dalam interview eksklusifnya dengan Bangkok Post, antara topikny adalah

Akta Keselamatan Dalam Negeri (KDN) atau ISA. Dr Mahathir menegaskan apabila dia menjadi Perdana Menteri pertengahan Julai 1981, tidak sampai dua minggu selepas itu, dia membebaskan berpuluh-puluh tahanan politik yang dilakukan oleh Gulam kerana dia tahu ramai ditahan sebab politik atau

'political reasons'. Antara yang dibebaskan tambahnya, "I released people who

I felt were detained for political reasons. One of them is now Editor-in-Chief of The New Straits Times".

Datuk Seri Anwar Ibrahim pula ceritanya lain, tegas Perdana Menteri. Anwar bukan tahanan ISA, dia dibicarakan di mahkamah selama sembilan bulan dan dibela oleh peguam-peguam terkemuka dan terdapat 380 muka surat sebab-

sebab Anwar didapati salah. Kerana terlampau tebal 'judgment' itu, tidak ramai orang membacanya maka sesetengah orang menuduh kononnya hakim itu

telah dipengaruhi oleh kerajaan. Bukan senang mahu pengaruhi hakim. Apabila dicuba, hakim akan berkata: "Look, somebody is trying to influence." Hakim di Malaysia tidak boleh dibuang selepas dilantik.

Saya mengesahkan apabila Dr Mahathir jadi Perdana Menteri, dia membebaskan saya dan ramai lagi dalam masa tidak sampai dua minggu apabila mengambil alih jawatan daripada Datuk Hussein Onn. Sebelum Dr Mahathir jadi Perdana Menteri terdapat hampir 900 Tapols di Kuala Lumpur, Kemunting dan Batu Gajah. Tapi tidak lama selepas itu tinggal kurang daripada satu pertiga.

Anak bongsu Tun Razak (36 tahun) kini bergelar Datuk

Tun Razak mempunyai lima orang anak lelaki, tiada anak perempuan maka Tun dan isterinya Rahah (kini Tun) telah mengambil anak perempuan dari desa di Kedah sebagai anak angkatnya dan bagai `sister' kepada putera-puteranya. Empat puteranya sekarang berpangkat Datuk - Najib (Pahang dan lain negeri), Johari (Perak), Nazim (Melaka), Nazir (daripada Sultan Ahmad

Shah Pahang - Pangkat Kedua dari Darjah Kebesaran Sri Sultan Ahmad Shah yakni DSAP - Darjah Kebesaran Sultan Ahmad Shah Pahang).

Sultan dan juga seorang demokrat

Nazir adalah antara 966 penerima darjah kebesaran bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan Sultan Ahmad Shah yang ke-73 tahun. Saya makan malam bersama Tuanku, Rabu malam di Istananya di Bukit Ceylon, sempena upacara seorang Datuk Serinya memeluk agama Islam. Tuanku nampak sihat walafiat, seperti biasa pandai melayan tetamu tanpa mengira pangkat, pandai bergurau senda dan berjenaka. Sultan Ahmad Shah berjabat salam dengan setiap yang hadir. Baginda benar-benar mengamalkan demokrasi dan tiada pilih bulu, semuanya hamba Allah.